

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN  
[ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini bantuan kemudahan komputer riba, tablet dan data kepada pelajar B40 seperti yang diumumkan semasa Belanjawan 2021, dan berapakah yang telah diagihkan kepada pelajar di Sabah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif Tabung CERDIK seperti yang diluluskan dalam Belanjawan 2021 adalah satu inisiatif pemberian peranti digital lengkap dengan pelan data kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) bertujuan menyediakan peranti digital kepada murid B40 yang dikenal pasti.

Yayasan Hasanah menguruskan sumbangan peranti digital dan pelan data daripada GLC dan GLIC serta menyelaras penghantaran peranti digital berkenaan ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Peranti digital yang diterima oleh KPM akan terus diagihkan kepada murid B40 yang telah dikenal pasti. Sehingga 22 September 2021, sebanyak 113,066 unit peranti digital telah diserahkan kepada murid B40 di 918 sekolah seluruh negara. Manakala, 18,066 unit telah diterima daripada Yayasan Hasanah dan akan diagihkan kepada murid dalam masa terdekat. Baki 18,868 unit lagi akan diagihkan sebaik sahaja diterima daripada Yayasan Hasanah.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 13,246 unit peranti digital lengkap dengan pelan data capaian Internet telah diagihkan kepada pelajar B40 di Sabah di 95 buah sekolah.